

# Boikot Foodpanda: Syed Saddiq tidak bincang dalam Kabinet

**KUALA LUMPUR 8 Okt.** - Cadangan Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman untuk 'memulaukan' syarikat perkhidmatan penghantaran makanan, Foodpanda Malaysia tidak pernah dimaklumkan kepada Kabinet Pakatan Harapan (PH).

Sehubungan itu, Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, kenyataan Ahli Parlimen Muar itu sama sekali tidak mewakili pendirian kerajaan PH.

Bagaimanapun, Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) itu yakin kenyataan Syed Saddiq itu mempunyai sebab dan alasan tertentu.

"Itu pendapat dia, dia tidak bincang dalam Kabinet langsung. Itu bukan pendirian kerajaan, mungkin dia ada sebab kenapa dia buat kenyataan itu," katanya dalam sidang akhbar di lobi Bangunan Parlimen, hari ini.

Semalam, Syed Saddiq yang juga Ketua Angkatan Bersatu Anak Muda (Armada) menerusi akaun Twitter miliknya mengingatkan Foodpanda Ma-

"Itu pendapat dia, dia tidak bincang dalam Kabinet langsung. Itu bukan pendirian kerajaan, mungkin dia ada sebab kenapa dia buat kenyataan itu."

**DR. MAHATHIR  
MOHAMAD**

laysia supaya tidak angkuh.

"Sebagai korporat, mereka dibangunkan oleh pekerja atau pengguna dan boleh dijatuhkan oleh pekerja atau pengguna. Keangkuhan bukan jalan penyelesaian. Hanya sokong korporat yang adil kepada pekerja dan pengguna," katanya.

Kenyataan itu susulan Pengarah Urusan Foodpanda, Sayantan Das membayangkan syarikat itu tiada masalah dengan mogok penghantar terhadap skim pembayaran baharu mereka.